

14/06/2001

Kerajaan wajar utama suara majoriti

KERAJAAN yang ada hari ini berpegang kepada pendirian untuk meneruskan sistem pentadbiran adil dan demokratik dengan memberikan rakyat kebebasan bersuara asalkan mereka tidak mencabuli hak orang lain. Ini sudah berulang kali ditegaskan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, tetapi ada pihak-pihak yang sengaja memilih untuk melihatnya dari sudut berlawanan. Sebagaimana setiap individu berpegang kepada falsafah hidup, Malaysia sebagai sebuah negara juga mempunyai prinsipnya tersendiri. Malaysia yakin kepada beberapa prinsip yang selama ini berjaya memakmurkan negara dan memberi kesejahteraan hidup kepada rakyat, antaranya memastikan keamanan negara tidak diganggu gugat, memberi kebebasan kepada rakyat dan melindungi hak asasi manusia.

Atas dasar inilah, Malaysia mentadbir negara dan meningkatkan taraf hidup rakyat tanpa perlu bimbang terhadap sebarang ancaman dari luar. Walaupun pelbagai takrifan dibuat untuk mencemari prinsip yang dipegang kerajaan, setakat ini percubaan pelbagai pihak berkenaan dapat dipatahkan. Hakikatnya, pihak yang cemburu gagal membuktikan sebarang kecacatan yang diamalkan di negara ini. Malangnya, mereka sengaja tidak mahu mengakuinya. Dalam hubungan ini, adalah wajar sekali kerajaan tidak melayan suara segelintir rakyat yang tidak pernah kenal erti berterima kasih, apatah lagi takrifan mereka mengenai keamanan, kebebasan dan hak asasi manusia adalah berlandaskan falsafah pembangkang. Dalam memperkatakan hak asasi, pertimbangan kerajaan ialah antara kebaikan kepada majoriti rakyat atau segelintir rakyat yang sengaja mahu mencetuskan kegelisahan. Tentunya kerajaan mempunyai tanggungjawab lebih besar terhadap rakyat yang cintakan keamanan.

Sambil kita akur dengan pandangan Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (Suhakam) yang merumuskan rakyat kini lebih bijak dan berani membuat keputusan politik hasil kemajuan pendidikan yang disediakan kerajaan, hakikatnya harus diterima bahawa rakyat negara ini bukan hidup dalam utopia. Jika menerima demokrasi sebagai amalan di negara ini, mereka tidak sepatutnya melakukan gejala yang menjurus kepada penentangan terhadap kerajaan. Sebagai sebuah kerajaan yang mengamalkan sikap terbuka, adalah tidak salah bagi Suhakam mengemukakan apa juga cadangan untuk mempertingkatkan soal hak asasi manusia di negara ini. Bagaimanapun, Suhakam perlu mendengar penjelasan kerajaan terlebih dulu mengenai rasional sesuatu tindakan ataupun penguatkuasaan sesuatu undang-undang di samping mendengar pandangan kumpulan lain.

Bagaimanapun, sebarang cadangan mestilah berasaskan acuan negara ini, bukannya mengikut prinsip di negara yang kononnya memperjuangkan hak asasi manusia tetapi mereka sebenarnya mengamalkan tabiat yang langsung tidak melambangkan perikemanusiaan. Rakyat memilih kerajaan hari ini atas kehendak suara majoriti rakyat. Oleh itu, kerajaan perlu memberi keutamaan dengan mendengar pandangan mereka daripada suara segelintir rakyat yang kecewa. Hak asasi bukanlah kebebasan untuk bertindak ganas. Bertindak ganas hanya dilakukan oleh pemberontak dan pengkhianat. Sebagaimana mereka tidak rela rumah tangga mereka dikhianati oleh orang luar, begitulah juga halnya dengan kerajaan yang tidak akan membenarkan sebarang perbuatan keji berlaku di negara ini. Rakyat tidak mempunyai sebarang alasan untuk menyokong perbuatan golongan yang mahu menghancurkan kestabilan politik negara ini.

(END)

